

Abdullah lakukan perubahan radikal

S.H 24/03/08 M/s 85

SELEPAS dilanda tsunami politik pada pilihan raya 8 Mac, Barisan Nasional (BN) yang didominasi UMNO, pimpinan Abdullah Ahmad Badawi (Pak Lah) telah melakukan perubahan radikal terhadap susunan Kabinet barunya bagi menyahut cabaran-cabaran yang dihadapi kepada kerajaan bagi memulihkan semula keyakinan rakyat kepada BN dan UMNO.

Berbanding dengan susunan Kabinetnya pada 2004, setelah Abdullah menerima mandat besar, melebihi majoriti dua pertiga di Parlimen dan menguasai semua kerajaan negeri dengan mengambil alih semula Terengganu yang dimenangi Pas pada pilihan raya 1999 dan hampir-hampir menguasai semula Kelantan yang diperintah Pas sejak 1990, Kabinet 2008 Pak Lah telah banyak menggugurkan tokoh-tokoh yang kontroversi.

Kekalahan tokoh-tokoh penting pemimpin komponen BN seperti Presiden MIC, Samy Vellu dan yang lain serta keengganan Presiden MCA, Ong Ka Ting daripada dicalonkan sebagai menteri Kabinet walaupun memenangi kerusi Parlimen di Johor, di samping Timbalan Presiden MCA, Chan Kong Choy yang memilih tidak bertanding dalam pilihan raya, telah memudahkan Pak Lah mengisi peruntukan kerusi-kerusi untuk parti komponen BN.


Kekalahan teruk calon-calon Parti Gerakan yang bertanding 12 kerusi Parlimen dan 31



RAFIDAH AZIZ...Tidak dilantik



ZAID IBRAHIM...Menteri baru



MASHITAH...Timbalan Menteri

Setelah menerima kekalahan teruk pada pilihan raya ini, Pak Lah kelihatan lebih tegas dan sedikit bertenaga dengan keberaniannya menggugurkan menteri-menteri yang memegang jawatan politik seperti Radzi Sheikh Ahmad, yang menjadi Setiausaha Agung UMNO dan sekali gus Setiausaha Agung BN.

pilihan raya tetapi dilantik sebagai senator dan menganggotai Kabinet dan kerajaan. Muhammad Taib, seorang tokoh yang dianggap setia kepada UMNO walau apa pun terjadi kepadanya merupakan seorang yang tidak kurang kontroversi.

Kedudukan Dr Mashitah juga dipersoal. Setelah tidak dipilih sebagai calon pilihan raya, Mashitah dilantik sebagai senator dan dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Menteri di Jabatan PM yang tentunya menyeliakan soal-agama, dan mengawal-selia agensi-agensi

kerusi negeri dan memenangi cuma dua kerusi Parlimen dan empat kerusi negeri sehingga kehilangan Pulau Pinang kepada DAP setelah memerintah negeri itu sejak 1969 merupakan tamparan hebat kepada pimpinan Gerakan terutama Pemangku Presidennya, Dr Koh So Koon yang kalah di kerusi Parlimen Batu Kawa.

Koh telah dikenal pasti untuk dibawa ke peringkat pusat sebagai menteri penuh menggantikan bekas Presiden, Lim Keng Yeik yang bersara daripada politik, tetapi nasib tidak menyebelainya, kerana kekalahannya dan ramai calon-calon Gerakan telah menyebabkan Parti Gerakan tidak mendapat kerusi Kabinet yang cukup yang diuntukkan kepadanya.

Semua parti politik komponen BN termasuk UMNO sendiri yang menjadi tulang belakang pemerintahan BN (dulu Perikatan) sejak lebih 50 tahun merdeka telah mengalami tsunami yang tidak pernah berlaku dalam sejarah politik negara ini.

Pelbagai tohmahan disarankan oleh pelbagai pihak terhadap kekalahan teruk BN dalam pilihan raya ini. Daripada sikap keangkuhan, penyelewengan, rasuah, kronisme pemerintah terutama UMNO hinggalah kepada masalah krisis pimpinan parti-parti komponen termasuk UMNO yang dilihat di bawah pimpinan Pak Lah tidak mempunyai visi dan misi, lemah dan stereotaip.

Akibat kekalahan teruk yang diterimanya Pak Lah telah membuat perubahan radikal terhadap Kabinet 2008-nya dengan menaikkan pangkat ramai menteri dan menggugurkan tokoh-tokoh besar anggota Kabinetnya yang lalu.

Tokoh-tokoh kontroversi seperti Datuk Seri Rafidah Aziz yang memimpin Kementerian Perdagangan Antarabangsa sejak lebih 20 tahun lalu dan merupakan menteri yang bertanggungjawab menggerakkan agenda FDI (Foreign Direct Investment) telah digugurkan.

Ramai yang mempersoalkan pengguguran

Rafidah kerana dia merupakan calon yang menang dan Ketua Pergerakan Wanita UMNO, sayap kiri UMNO yang banyak memainkan peranan memenangkan calon-calon UMNO dalam setiap kali pilihan raya sejak pilihan raya pertama lagi.

Mereka mempersoalkan tiada tokoh wanita UMNO yang mendapat kerusi Kabinet dengan Shahrizat menerima kekalahan yang memalukan di tangan puteri reformasi PKR, Nurul Izzah di kerusi Parlimen Lembah Pantai. Bagaimanapun Shahrizat diberi tempat sebagai penasihat kepada Perdana Menteri, di bidang Kementerian yang dipegangnya dahulu, iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang kini disandang oleh Dr Ng Yen Yen.

Setelah menerima kekalahan teruk pada pilihan raya ini, Pak Lah kelihatan lebih tegas dan sedikit bertenaga dengan keberaniannya menggugurkan menteri-menteri yang memegang jawatan politik seperi Radzi Sheikh Ahmad, yang menjadi Setiausaha Agong UMNO dan sekali gus Setiausaha Agong BN. Radzi yang menganggap penggugurannya sebagai petunjuk dan menurut katanya: "Tanpa jawatan menteri, jawatan Setiausaha Agong tidak memberi kekuatan," telah pun meletakkan semua jawatan politiknya.

Ramai tokoh-tokoh Kabinet lalu yang memenangi pilihan raya telah digugurkan. Ia termasuk Tengku Adnan, Azmi Khalid, Abdullah Md Zin, Jamaluddin Jarjis, dan Fong Chan Onn. Tengku Adnan seperti Rafidah dianggap kontroversi kerana dalam kempen-kempen pilihan raya 2008, kedua tokoh ini dikritik hebat oleh pihak pembangkang terutama oleh penasihat PKR, Anwar Ibrahim.

Pak Lah mengambil pendekatan untuk memulihkan imej kabinetnya dengan mengecilkkan size Kabinet dan kerajaannya dengan meniadakan jawatan Setiausaha Parlimen yang diperkenalkan untuk melatih barisan kedua dalam mewarisi kepimpinan.

PM menerima banyak nasihat dari pelbagai

pihak sebelum mengumumkan senarai Kabinetnya dan salah seorang yang dipercayai memberi nasihat kepadanya ialah Musa Hitam yang kepada Pak Lah merupakan ikon dan sifu politiknya. Banyak pihak mengalu-alukan kemunculan semula Shahrir Samad yang kini memegang portfolio Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang ada hubung kaitnya dengan isu kenaikan harga barang yang menjadi isu besar yang dekat dengan hati nurani rakyat.

Tugas dan tanggungjawab besar mendepani Shahrir bagi menangani isu kenaikan harga barang akibat daripada kenaikan harga petrol sehinggakan harga barang-barang kawalan pun turut naik yang memberi impak bahawa kenaikan gaji, imbuhan dan sebagainya tidak memberi erti apa-apa kepada rakyat kerana kantung mereka tambah mengecil kerana kos hidup yang tinggi. Menteri yang diganti Shahrir dalam Kabinet lalu dan masih kekal berada dalam Kabinet kelihatan tidak berkesan.

Beberapa suntikan lain terutama pelantikan Amirsham Abdul Aziz, bekas CEO Malayan Banking yang merupakan antara Bank terbesar yang banyak mengaut keuntungan untuk dipertanggungjawabkan dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri, merupakan sesuatu yang dialu-alukan oleh pelbagai pihak.

Bagaimanapun pelantikan Datuk Zaid Ibrahim untuk menyumbang reformasi kepada Kehakiman dan Mahkamah Keadilan yang menerima kecaman hebat dalam kempen pilihan raya kerana ketidaktelusan, campur tangan pihak luar kehakiman dan lain-lain, tidak begitu disambut baik kerana Zaid mempunyai kontroversinya sendiri sebagai seorang yang menyaman undang-undang hudud yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri yang diperintah oleh Pas.

Kekeliruan timbul di kalangan rakyat mengenai beberapa orang tokoh seperti Muhammad Mohd Taib, Datuk Dr Mashitah dan yang lain yang tidak dipilih menjadi calon

soal agama dan mengawal-selia agensi-agensi agama seperti Jakim dan lain-lain, tetapi menteri yang pernah Mashitah berkhidmat sebagai Setiausaha Parlimen ketika menemani kerusi Parlimen Baling pada 2004, Abdullah Md Zin digugurkan dengan hanya berkhidmat satu penggal sahaja.

Walaupun penyenaian Kabinet 2008 dilihat sebagai satu keberanian Abdullah yang membuat perubahan radikal, tetapi beberapa pertanyaan timbul dari pelantikan-pelantikannya termasuk persoalan menteri-menteri yang digugurkan termasuk Rafidah, Radzi, Jamaluddin, Azmi, Abdullah dan lainnya.

Kabinet 2008 menyenaraikan komposisi semua kaum diwakili dengan pembesaran keanggotaan dari Sabah dan Serawak serta Johor yang menyumbang perwakilan terbanyak UMNO dan BN ke Parlimen. Perwakilan BN di Dewan Rakyat telah melebihi 140 dengan ramainya senator-senator yang memegang jawatan menteri dan timbalan menteri akan berada di Dewan Rakyat.

Dengan ramainya menteri UMNO yang kalah dalam pilihan raya ini mereka perlulah mengucapkan selamat tinggal kepada politik dan kekalahan teruk BN kali ini turut disumbangkan oleh mereka yang kelihatan terlalu angkuh, menyebarkan propaganda keterlaluan melalui media termasuk media elektronik milik mereka menyebabkan rakyat menolak mereka.

Walaupun BN masih berjaya memerintah di peringkat pusat dan Kabinet telah ditubuhkan setelah BN kehilangan lima buah negeri ke tangan pakatan pembangkang, Pas-PKR,DAP, namun Malaysia nampaknya terarah menuju kepada sistem dua parti.

Bagaimanapun krisis kepimpinan nampaknya sedang menunggu kepimpinan komponen BN termasuk UMNO yang akan terjelma dalam Perhimpunan Agong UMNO akan datang ini dengan kini Tengku Razaleigh Hamzah telah pun menawarkan diri untuk memimpin UMNO.

***Penulis ialah perunding media di KL.**